

## **ANALISIS PERBANDINGAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI REMAJA LELAKI DAN PEREMPUAN DI SEKOLAH TUNAS BAKTI**

### ***A COMPARATIVE ANALYSIS OF PSYCHOLOGICAL WELL-BEING BETWEEN MALE AND FEMALE ADOLESCENTS IN SEKOLAH TUNAS BAKTI***

**Siti Marhamah Kamarul Arifain<sup>1\*</sup>**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor,  
Malaysia<sup>1</sup>

[marhamah@uthm.edu.my](mailto:marhamah@uthm.edu.my)<sup>1</sup>

***Corresponding Author\****

***Received:*** 7 Januari 2026

***Accepted:*** 20 Februari 2026

***Published:*** 02 Mac 2026

***To link to this article:*** <https://doi.org/10.51200/jpp.v14i1.7425>

#### **ABSTRAK**

Tahap kesejahteraan psikologi yang merangkumi dimensi positif seperti penerimaan diri dan penguasaan alam sekitar, dikenal pasti sebagai faktor pelindung dalam konteks pemulihan delinkuensi. Walau bagaimanapun, literatur sedia ada lebih banyak menumpukan kepada aspek negatif delinkuensi, sehingga kurang memberi perhatian terhadap penilaian tahap kesejahteraan psikologi sebagai indikator kekuatan dan potensi perkembangan positif remaja. Justeru, kajian keratan rentas ini dijalankan untuk meneliti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan 296 remaja delinkuen yang dipilih secara rawak berstrata dari enam buah Sekolah Tunas Bakti di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian mendedahkan majoriti responden (92.9%) mencatatkan tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi. Analisis inferensi pula menunjukkan tiada perbezaan signifikan kesejahteraan antara remaja lelaki ( $\min = 72.73$ ) dan perempuan ( $\min = 72.58$ ) iaitu  $t(199) = .067, p > .05$ . Kajian ini mencadangkan jantung bukanlah penentu utama kesejahteraan psikologi dalam konteks ini. Secara keseluruhan, kajian menekankan kepentingan untuk mengekalkan fokus pada pembangunan kesejahteraan psikologi sebagai teras intervensi pemulihan tanpa mengira jantung bagi memudahkan proses reintegrasi sosial yang lebih berkesan.

**Kata kunci:** jantung, kesejahteraan psikologi, remaja delinkuen

#### **ABSTRACT**

*The level of psychological well-being which includes positive dimensions such as self-acceptance and environmental mastery, is recognised as a protective factor in the rehabilitation of delinquent adolescents. However, much of the existing literature tends to focus more on the negative aspects of delinquency, with less emphasis on examining psychological*

*well-being as an indicator of adolescents' strengths and their potential for positive development. Therefore, this cross-sectional study was conducted to examine the level of psychological well-being among 296 delinquent adolescents selected through stratified random sampling from six Sekolah Tunas Bakti across Peninsular Malaysia. The findings revealed that the majority of respondents (92.9%) demonstrated a high level of psychological well-being. Inferential analysis further showed no significant difference in well-being between male ( $M = 72.73$ ) and female adolescents ( $M = 72.58$ ),  $t(199) = .067$ ,  $p > .05$ . The results suggest that gender is not a primary determinant of psychological well-being in this context. Overall, the study highlights the importance of maintaining emphasis on the development of psychological well-being as a core component of rehabilitation interventions regardless of gender to support more effective social reintegration.*

**Keywords:** *gender, psychological well-being, delinquent adolescents*

## INTRODUCTION

Perkembangan semasa kanak-kanak iaitu genetik, biologi, persekitaran dan faktor-faktor sosial merupakan satu fasa kritikal bagi perkembangan remaja. Liu *et al.* (2023) menjelaskan penolakan sosial sewaktu remaja boleh membawa kepada kemurungan dan mempunyai pemikiran membunuh diri. Sehubungan dengan itu, masalah dalam perkembangan sosial terutamanya hubungan dengan rakan sebaya membuktikan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan mengurangkan kesejahteraan psikologi (Mullan *et al.*, 2023). Kesejahteraan psikologi remaja dipengaruhi oleh hubungan positif dengan sekolah, keluarga dan rakan sebaya serta hubungan sosial yang baik, penglibatan dalam aktiviti fizikal dan amalan pemakanan sihat (Carlen *et al.*, 2023; Alsarrani *et al.*, 2022).

Kesejahteraan psikologi merangkumi dimensi positif seperti penerimaan diri dan autonomi, penguasaan persekitaran dan hubungan positif dengan orang lain (Cortés-Rodríguez *et al.*, 2023). Individu mencapai tahap kesejahteraan psikologi apabila mereka memiliki emosi positif, keterlibatan sosial, hubungan bermakna, tujuan hidup yang jelas, dan pencapaian peribadi yang baik (Cortés-Rodríguez *et al.*, 2023). Uvhagen *et al.* (2025) mendefinisikan kesejahteraan psikologi sebagai mood, afek, atau pengalaman emosi yang terbentuk dalam tempoh beberapa minit hingga beberapa hari. Selain itu, Carlen *et al.* (2023) menegaskan bahawa kesejahteraan hidup dipengaruhi oleh pengalaman emosi seseorang, individu yang tenang, puas dan gembira cenderung menunjukkan amalan tingkah laku positif, manakala individu yang mengalami ketidaktenteraman sering berhadapan kebimbangan, ketakutan, penyesalan dan kemarahan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016), kesejahteraan psikologi merujuk kepada kemampuan individu mengurus tekanan, mencapai ketenangan, mengelakkan konflik serta meningkatkan motivasi dan keyakinan diri.

Isu kesejahteraan psikologi remaja di Malaysia amat membimbangkan kerana kurangnya penghayatan nilai, yang menyebabkan mereka terlibat dalam tingkah laku delinkuen. Masalah dalam pembentukan nilai, identiti, dan konsep sendiri memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi remaja (Abd. Majid *et al.*, 2025). Tingkah laku delinkuen merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh individu remaja yang melanggar norma masyarakat dan cenderung berlaku dalam kalangan remaja yang membesar dalam persekitaran tidak kondusif (Baidawi & Piquero, 2023). Remaja yang melakukan kesalahan

akan ditempatkan di institusi perlindungan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk Sekolah Tunas Bakti (STB) atau Sekolah Henry Gurney, mengikut perintah mahkamah di bawah perenggan 91(1)(f) (JKM, 2023).

Berdasarkan statistik JKM menunjukkan peningkatan kemasukan remaja ke institusi perlindungan dari tahun 2018 hingga 2019. Pada tahun 2018, 81.3% daripada kemasukan adalah remaja lelaki dan 18.7% perempuan, manakala pada 2019 angka tersebut meningkat kepada 87% remaja lelaki dan 13% remaja perempuan. Pada 2022, seramai 261 remaja lelaki dan 60 remaja perempuan telah ditempatkan di STB (Laporan Statistik JKM, 2023). Dalam kenyataan Polis Diraja Malaysia, sebanyak 1567 kes jenayah melibatkan kanak-kanak pada tahun 2023 dan ia menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak 1239 kes sahaja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024).

Manakala, kes dadah pula menunjukkan bahawa majoriti yang terlibat adalah golongan muda berumur 13 hingga 39 tahun, dengan pengaruh rakan sebaya sebagai faktor utama (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2021). Namun begitu, sebahagian besar kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek negatif delinkuensi, sehingga mengabaikan potensi dimensi positif seperti kesejahteraan psikologi (Schutz *et al.*, 2015; Mohd Shukor *et al.*, 2019). Golongan remaja di institusi perlindungan sering berasa terpinggir, tidak dihargai, dan melihat kehidupan daripada perspektif negatif, sekali gus mengurangkan peluang mereka membina kekuatan psikologi (Kirman *et al.*, 2021). Oleh itu, penelitian kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja delinkuen adalah satu keperluan penting, terutamanya dengan peningkatan isu sosial di Malaysia. Remaja yang terlibat dalam delinkuensi biasanya mengalami konsep sendiri yang rendah, kekeliruan identiti, masalah kesihatan mental serta berisiko tinggi terlibat dalam hubungan seksual tidak sihat pada usia muda (Abd. Majid *et al.*, 2025; Kirman *et al.*, 2021).

Perbezaan kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina juga wajar diberi perhatian. Penyelidikan menunjukkan remaja perempuan cenderung mengalami tekanan psikologi yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki (Matud *et al.*, 2024; Yoon *et al.*, 2023). Kajian mendapati remaja perempuan melaporkan tekanan psikologi, tekanan kronik, dan gangguan harian yang lebih tinggi (Matud *et al.*, 2024; Yoon *et al.*, 2023). Mereka juga lebih berisiko mengalami kemurungan dan menunjukkan kadar cubaan bunuh diri yang lebih tinggi (García-Castilla *et al.*, 2020; Corneau *et al.*, 2004; Kim & Kim, 2005). Tahap tekanan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti daya tindak emosi dan sensitiviti terhadap peristiwa hidup (Matud *et al.*, 2024).

Hasil kesihatan mental jangka panjang bagi remaja delinkuen juga berbeza mengikut jantina (Cortés-Rodríguez *et al.*, 2023). Remaja perempuan yang mempunyai sejarah delinkuensi lebih berkemungkinan mendapatkan khidmat psikologi dan mengalami cubaan bunuh diri ketika dewasa berbanding remaja lelaki (Cortés-Rodríguez *et al.*, 2023; Corneau *et al.*, 2004). Selain itu, penempatan di institusi semasa remaja didapati memberi kesan yang lebih serius kepada remaja perempuan, melibatkan pelbagai aspek kehidupan seperti kesihatan mental, keupayaan hidup berdikari, dan tanggungjawab sebagai ibu bapa (Abram *et al.*, 2017; Lanctôt *et al.*, 2007). Dapatan ini menekankan keperluan intervensi berasaskan jantina bagi menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh remaja perempuan yang terlibat dalam delinkuensi.

Pelbagai faktor telah dikenal pasti mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja delinkuen dan peramalnya berbeza mengikut jantina. Dalam kalangan remaja lelaki, personaliti

antisosial dan penyalahgunaan bahan merupakan peramal yang kukuh terhadap delinkuensi (Welch-Brewer *et al.*, 2011; Kim & Kim, 2005). Sebaliknya, kemurungan dan penganiayaan emosi merupakan peramal utama bagi remaja perempuan (Vahl *et al.*, 2016; Kim & Kim, 2005). Walau bagaimanapun, hubungan sosial yang menyokong dan harga diri yang tinggi merupakan perlindungan penting kepada kesejahteraan psikologi bagi kedua-dua jantina. Namun demikian, kajian tentang kesejahteraan psikologi remaja, khususnya dalam konteks delinkuensi, masih terhad dan kekurangan data empirikal (Malek *et al.*, 2025; Hoosen, 2024; Fazel *et al.*, 2023; Ryff, 2014).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja delinkuen, dengan memberi tumpuan kepada perbezaan jantina. Penemuan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting dalam memperkukuh hubungan kekeluargaan, meningkatkan peranan kaunselor Kementerian Pendidikan Malaysia dan JKM, memantapkan pengetahuan komuniti, serta memperkasakan sokongan rakan sebaya. Hasil kajian juga dapat membantu kaunselor dan pentadbir sekolah dalam merangka modul dan intervensi bagi menangani isu remaja secara lebih sistematik, seterusnya memastikan pencapaian kesejahteraan psikologi yang lebih baik dalam kalangan remaja.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk:

- i) Mengenalpasti tahap kesejahteraan psikologi remaja delinkuen di Sekolah Tunas Bakti di Semenanjung Malaysia.
- ii) Mengenalpasti perbezaan kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina dalam kalangan remaja delinkuen di Sekolah Tunas Bakti di Semenanjung Malaysia.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah berbentuk korelasi iaitu dengan menggunakan pendekatan kaedah keratan rentas (*cross-sectional design*). Kaedah ini melibatkan perbandingan berdasarkan perbezaan dalam sesuatu kumpulan, tetapi kesemua kumpulan yang terlibat diukur dalam satu jangka masa yang sama (Stangor, 2015; Creswell, 2014). Kajian ini juga berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan iaitu menggunakan pendekatan survei. Penyelidikan survei merupakan teknik dalam mendapatkan data penyelidikan untuk tinjauan sosial dan kemasyarakatan (Rozmi, 2013).

### **Responden Kajian**

Menurut Sekaran dan Bougie (2016), populasi merupakan keseluruhan unit atau responden atau elemen yang merupakan aras pengukuran penyelidikan. Dalam kajian ini, populasi kajian yang dikenalpasti adalah remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia yang berada di bawah jagaan JKM. Pentakrifan remaja berdasarkan JKM (2016) adalah kanak-kanak di bawah umur

18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001. Remaja yang terlibat adalah remaja delinkuen yang berada di STB di Semenanjung Malaysia diambil kerana sesuai dengan pentakrifan remaja oleh JKM. Berdasarkan JKM (2023), STB adalah sebuah institusi pemulihan akhlak yang ditubuhkan di bawah Seksyen 65(1) Akta Kanak-kanak 2001 bagi pemulihan dan jagaan bagi:

- i) Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah.
- ii) Kanak-kanak yang tidak terkawal.

Populasi kajian terdiri daripada remaja delinkuen di bawah jagaan JKM di Semenanjung Malaysia berumur antara 10 hingga 22 tahun. Pengkaji melalui beberapa proses dalam mengedarkan data kajian sehingga analisis data. Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 355 soal selidik kepada responden, namun hanya 321 sahaja soal selidik yang dikembalikan. Setelah pengkaji memasukkan data ke dalam SPSS, hanya 296 data sahaja yang boleh digunakan kerana sebanyak 6 data rosak dan 25 data *outlier* telah dikenalpasti oleh pengkaji. Pengkaji mengambil sebanyak 296 walaupun jumlah sampel minimum yang diperlukan hanya sebanyak 201 kerana peningkatan saiz sampel dapat meningkatkan kuasa statistik kerana bagi mengesan perbezaan yang signifikan, saiz sampel yang besar mampu mengurangkan ralat dalam statistik (Creswell, 2014). Ia selari dengan objektif kajian ini untuk melihat perbezaan kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina. Justeru, ia turut disokong oleh kajian lepas bahawa sampel saiz yang baik adalah dalam lingkungan 200 hingga 500 sampel yang diperlukan oleh pengkaji untuk melakukan analisis regresi, analisis kovarians atau analisis loglinear Israel (2003). Manakala, Roscoe (1975), mencadangkan sampel yang melebihi 30 dan kurang daripada 500 adalah bertepatan dalam kebanyakan penyelidikan.

## **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan data profil demografi dan instrumen EPOCH *Measure of Adolescent Well Being* oleh Martin Seligman (2011) yang mengkaji lima cabang utama iaitu emosi positif, keterlibatan, perhubungan, makna dan penyelesaian yang mempunyai 20 item. Model ini sesuai digunakan untuk responden yang berumur antara 10 hingga 18 tahun. Model ini juga dapat menggambarkan lima perwatakan positif yang berbeza yang menyokong tahap kesejahteraan psikologi manusia melalui EPOCH iaitu keterlibatan (*engagement*), kegigihan (*perseverance*), optimistik (*optimism*), perhubungan (*connectedness*) dan kegembiraan (*happiness*). Instrumen ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh dipercayai. Dalam kajian lepas yang mengkaji kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina, instrumen ini mendapati nilai alfa Cronbach masing-masing adalah 0.89, 0.79, 0.94 dan 0.97 (Kern *et al.*, 2016). Manakala nilai alfa Cronbach bagi instrumen ini setelah ditadbirkan kepada 296 remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 0.913.

## **Pengumpulan Data**

Kajian dilaksanakan selepas memperoleh kelulusan JKM melalui aplikasi *MyResearch*. No surat kelulusan yang telah diperoleh adalah JKMM 100/12/5/2:2020/284. Kemudian, temu janji dibuat dengan kaunselor berkaitan bagi melaksanakan pengumpulan data di enam buah STB yang terlibat. Sewaktu pengumpulan data, penyelidik mengumpulkan kesemua responden di dalam satu dewan dan memberikan taklimat ringkas kepada semua responden yang terlibat.

Pengkaji juga telah menjelaskan satu per satu makna item bagi memudahkan responden menjawab soal selidik yang diberikan. Kebanyakan responden mengambil masa selama 30 minit hingga 45 minit untuk melengkapkan keseluruhan soal selidik yang ditadbir.

### **Kaedah Analisis Data**

Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan. Manakala analisis inferensi iaitu ujian-t dilakukan bagi menguji perbezaan min kesejahteraan psikologi antara dua kumpulan responden berdasarkan jantina. Ujian-t ini dipilih kerana ia sesuai untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara dua kumpulan bebas (Creswell, 2013). Namun, kajian ini mengambil seramai 244 penghuni lelaki dan 52 penghuni perempuan kerana empat buah sekolah STB di Semenanjung Malaysia adalah menempatkan penghuni lelaki dan hanya dua buah sekolah STB sahaja menempatkan penghuni perempuan. Ia menjadikan setiap sampel dalam kumpulan adalah tidak sama. Justeru, ujian-t tidak mensyaratkan bilangan sampel yang sama bagi setiap kumpulan dan bilangan responden perempuan seramai 52 orang adalah boleh diterima dan melebihi saiz minimum yang dicadangkan di dalam kebanyakan penyelidikan (Hair *et al.*, 2019; Israel, 2003; Cohen, 1988).

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Hasil Analisis Deskriptif**

Jadual 1 menunjukkan taburan ciri-ciri responden di STB. Kebanyakan responden adalah lelaki sebanyak 82.4% iaitu seramai 244 orang dan hanya seramai 52 orang responden perempuan atau 17.6% yang berjaya memenuhi kriteria kemasukan responden di STB yang dipilih. Seterusnya, Jadual 1 juga menunjukan peringkat umur responden. Majoriti responden berada pada umur 17 tahun iaitu sebanyak 106 orang atau 35.8 %. Diikuti peringkat umur 18 tahun sebanyak 96 orang atau 32.4% dan peringkat umur 16 tahun sebanyak 59 orang atau 19.9%. Seterusnya peringkat umur yang lain adalah 15 tahun, 14 tahun dan 13 tahun masing-masing seramai 25 orang atau 8.4%, 8 orang atau 2.7% dan 2 orang atau 0.7%.

**Jadual 1.** Maklumat Demografi Responden

| Pembolehubah | Ciri-ciri             | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------|-----------------------|-----------|-------------|
| Jantina      | Lelaki                | 244       | 82.4        |
|              | Perempuan             | 52        | 17.6        |
| Umur         | 13 tahun              | 2         | 0.8         |
|              | 14 tahun              | 8         | 2.7         |
|              | 15 tahun              | 25        | 8.4         |
|              | 16 tahun              | 59        | 19.9        |
|              | 17 tahun              | 106       | 35.8        |
|              | 18 tahun              | 96        | 32.4        |
|              | Jumlah Pendapatan     |           |             |
| Ibu Bapa     | Kurang RM4360         | 221       | 74.7        |
|              | RM4361 hingga RM 9691 | 24        | 8.1         |
|              | RM 9620 ke atas       | 6         | 2.0         |
|              | Tidak Pasti           | 45        | 15.2        |

Jadual 2 pula menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi responden menunjukkan berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 249 orang atau 92.9%, manakala hanya 20 orang sahaja iaitu 7.1% berada di tahap kesejahteraan psikologi yang rendah. Diikuti dengan nilai min bagi tahap kesejahteraan psikologi adalah 1.929 dan sisihan piawai sebanyak 0.257.

**Jadual 2.** Tahap Kesejahteraan Psikologi Responden

| Pembolehubah                  | Tahap  | N   | Peratus (%) | Min   | Sisihan Piawai |
|-------------------------------|--------|-----|-------------|-------|----------------|
| Tahap Kesejahteraan Psikologi | Rendah | 20  | 7.1         |       |                |
|                               | Tinggi | 249 | 92.9        | 1.929 | 0.257          |

### Hasil Analisis Inferensi

Jadual 3 menunjukkan skor min kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina remaja delinkuen di Semenanjung Malaysia. Nilai min bagi jantina lelaki adalah sebanyak 72.73 manakala nilai min bagi jantina perempuan adalah 72.58. Hasil kajian mendapati kesejahteraan psikologi remaja tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina, ( $t(199) = .067, p > .05$ ).

**Jadual 3.** Dapatan Ujian t Kesejahteraan Psikologi Berdasarkan Jantina

| Jantina   | N   | Min   | SP    | t     | p     |
|-----------|-----|-------|-------|-------|-------|
| Lelaki    | 244 | 72.73 | 17.13 | 0.067 | 0.947 |
| Perempuan | 52  | 72.58 | 16.09 |       |       |

$p > 0.05$

### PERBINCANGAN

Dapatan kajian bagi objektif pertama menunjukkan bahawa kebanyakan remaja di STB di Semenanjung Malaysia mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi. Menurut Cortés-Rodríguez *et al.* (2023), kesejahteraan psikologi boleh menjadi penyebab kepada perkembangan emosi remaja yang baik. Namun, dalam proses pembentukan konsep sendiri yang sihat, remaja juga turut berjuang dengan stigma dan jangkaan daripada ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan masyarakat untuk perkembangan diri yang baik. Menurut Zakaria *et al.* (2012) menyatakan kewujudan istilah ramalan menjadi kenyataan (*self fulfilling prophecy*) iaitu manusia akan melakukan sesuatu yang dijangka mereka akan lakukan sehingga berlakunya jangkaan yang tidak berasas akan menimbulkan tindakan yang diharapkan. Konsep ini telah dibincangkan oleh tokoh Psikologi Sosial iaitu Robert K. Merton (1996) yang menjelaskan tentang konsep ini terhadap tingkah laku devian remaja. Fenomena label negatif dalam konteks sekolah mendapati kebanyakan pelajar boleh mempengaruhi tingkah laku dan identiti sosial mereka (Takmak *et al.*, 2024).

Kesannya, stigma ini mampu menjejaskan nilai-nilai diri justeru merendahkan kesejahteraan psikologi remaja. Namun, kajian ini mendapati tahap kesejahteraan remaja berada pada tahap yang tinggi adalah disebabkan oleh remaja berada di bawah STB yang

merupakan satu institusi sekolah bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang membantu memberikan pemulihan kepada remaja, membantu kanak-kanak bersikap baik dan membangunkan peribadi yang baik untuk membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat (JKM, 2023). Sekolah ini memberikan pendidikan akademik secara formal, latihan vokasional, aktiviti ko-kurikulum, keagamaan, bimbingan dan keunseling kepada penghuni. Melalui aktiviti ini, mereka mampu memperkembangkan kemahiran dan ilmu yang diperolehi untuk diterapkan dalam masyarakat. Ia turut disokong oleh beberapa kajian lepas yang menyatakan persekitaran sekolah membantu kesejahteraan psikologi dan tingkah laku positif dalam kalangan remaja (Li *et al.*, 2022; Dudovitz *et al.*, 2017; Raufelder *et al.*, 2015; Bonell *et al.*, 2013).

Objektif kedua pula mendapati kesejahteraan psikologi tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina. Ini membuktikan bahawa kesejahteraan psikologi remaja lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Hasil dapatan ini mungkin berpunca daripada pengalaman delinkuensi yang dikongsi bersama. Hal ini termasuk pendedahan kepada faktor risiko dan tekanan yang sama, serta kesan program pemulihan yang menyediakan sokongan dan sumber untuk semua remaja. Dapatan ini membuktikan bahawa jantina bukanlah penentu utama kesejahteraan psikologi dalam konteks remaja delinkuen yang dikaji (Zarinah & Rozana, 2018; Shautar, 2016). Hasil ini konsisten dengan beberapa kajian lepas yang turut mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan kesejahteraan psikologi antara remaja lelaki dan perempuan (Sharma & Khausik, 2016).

Justeru, terdapat beberapa faktor sosio-ekonomi dan persekitaran yang sama oleh remaja lelaki dan perempuan di dalam kajian ini antaranya adalah latar belakang sosio-ekonomi yang sama. Kebanyakan remaja delinkuen dalam kajian ini berasal daripada latar belakang sosio-ekonomi rendah, majoritinya dalam golongan B40 (berpendapatan kurang daripada RM 4360). Sosio-ekonomi yang rendah ini dikaitkan dengan risiko tingkah laku delinkuen bagi kedua-dua jantina. Beberapa kajian lepas turut menyokong kenyataan ini bahawa remaja yang hidup di dalam sosio-ekonomi yang rendah (kerisauan dan kepayahan mencari duit untuk kelangsungan hidup) berkecenderungan menyebabkan remaja bertingkah laku delinkuen seperti penyalahgunaan dadah (Abd. Majid *et al.*, 2021; Agnew *et al.*, 2008; Shek, 2005). Tambahan pula, kebanyakan ibu dan bapa keluar bekerja untuk menyara keluarga juga turut menjadi penyebab kesunyian remaja. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), bahawa purata gaji dan upah bulanan bagi pekerja wanita meningkat kepada RM3140 pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa wanita semakin banyak menceburi bidang pekerjaan di Malaysia. Kurang masa berinteraksi dan masa bersama dengan anak juga turut menjadi faktor risiko terhadap tingkah laku delinkuen (Nurzatil Ismah *et al.*, 2022; Sharma & Khausik, 2016).

Selain itu, kesejahteraan psikologi antara remaja lelaki dan perempuan turut disebabkan oleh pengaruh persekitaran keluarga yang sama. Persekitaran keluarga boleh menjadi penyebab remaja bertingkah laku delinkuen. Keluarga adalah institusi pendidikan pertama yang signifikan dalam diri anak-anak. Ia disokong oleh Abd. Majid *et al.* (2025) dan Mariani *et al.* (2017) yang menjelaskan tentang institusi keluarga yang goyah disebabkan oleh ibu dan bapa terlalu fokus akan pekerjaan dan kurang prihatin terhadap perkembangan anak-anak remaja. Ibu bapa yang terlalu tegas dan menetapkan undang-undang dirumah tanpa perbincangan dengan anak-anak turut menjadi penyumbang utama kepada masalah tingkah laku sekaligus menjejaskan kesejahteraan psikologi remaja (Abd. Majid *et al.*, 2025; Abd. Majid *et al.*, 2021; Rageliene & Justickis, 2016; Jas Laile Suzana, 2016).

Justeru, pengaruh persekitaran pemulihan di STB juga mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi bagi remaja lelaki dan perempuan. Oleh kerana remaja lelaki dan remaja perempuan menjalani program pemulihan dan adaptasi yang sama di STB, pengaruh persekitaran ini mungkin menyamakan tahap kesejahteraan psikologi mereka. Kajian Nurzatil Ismah *et al.* (2022) turut menyokong bahawa pengaruh daripada guru dan sekolah adalah penyumbang kepada pembentukan kesejahteraan psikologi remaja. Malah, remaja dalam kajian ini adalah remaja yang sedang dalam tempoh pemulihan antara dua hingga tiga tahun dan telah boleh beradaptasi dengan sistem pendidikan STB yang menekankan pengisian dan modul pemulihan semula akhlak remaja (Abd. Majid *et al.*, 2025).

Walaupun secara statistik tiada perbezaan signifikan, banyak kajian mendapati bahawa lelaki lebih dominan dalam populasi delinkuen di STB (82.4% lelaki berbanding 17.6% perempuan). Secara umum, kesejahteraan psikologi melibatkan perwatakan positif seperti keterlibatan dan kegigihan. Walaupun kesejahteraan psikologi mereka tinggi, bagi remaja lelaki, ciri seperti keterlibatan dan kegigihan (seperti bersungguh-sungguh menyelesaikan tugas atau merancang aktiviti berisiko dengan teliti) mungkin diterjemahkan melalui tingkah laku agresif atau berisiko yang membawa kepada delinkuensi (perspektif *self-enhancement*), kerana mereka ingin menonjolkan ciri maskulin atau autoriti (Liu *et al.*, 2023; Arcand *et al.*, 2020; Sharma & Khausik, 2016). Sebaliknya, remaja perempuan yang tinggi kesejahteraan psikologi cenderung kepada kemahiran sosial yang baik dan lebih patuh kepada nilai tradisional (Karakayali, 2021; Koenig, 2018; Booker *et al.*, 2018).

## **Implikasi Kajian**

Hasil keseluruhan kajian menekankan kepentingan untuk mengekalkan fokus pada pembangunan kesejahteraan psikologi sebagai teras intervensi pemulihan, tanpa mengira jantina, bagi memudahkan proses reintegrasi sosial yang lebih berkesan. Kajian ini dapat menjadi rujukan penting dalam memperkukuh hubungan kekeluargaan, meningkatkan peranan kaunselor Kementerian Pendidikan Malaysia dan JKM, memantapkan intervensi komuniti serta memperkasakan sokongan rakan sebaya. Pertama, kajian ini diharap dapat memperkukuh hubungan kekeluargaan. Kebanyakan kajian lalu banyak mengupas tentang aspek kekeluargaan terutamanya peranan ibu bapa dalam proses pembentukan diri anak-anak. Anak-anak remaja banyak mendapat pendidikan informal di rumah melalui pemodelan sikap dan tindakan ibu bapa di rumah. Keluarga merupakan komponen terpenting di dalam sistem mikro dan sekiranya mereka melihat aspek-aspek positif yang diterapkan di dalam rumah, maka anak-anak turut membentuk personaliti yang baik sekaligus terhindar daripada keterlibatan tingkah laku delinkuen.

Justeru, implikasi kedua adalah dapat memperkukuhkan pengetahuan kaunselor di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Menurut Aslin (2013), mendapati kesan intervensi psiko-pendidikan terhadap tingkah laku pelajar mendapati bahawa intervensi psiko-pendidikan mampu membantu para remaja untuk mengurangkan masalah tingkah laku. Banyak kajian lalu yang turut menyokong bahawa intervensi awal yang diberikan secara individu mahu pun kelompok dapat menghentikan tingkah laku bermasalah pelajar dan mengurangkan masalah psikologi (Abd. Majid *et al.*, 2025; Driessen *et al.*, 2010). Kajian lain juga yang turut menyokong bahawa intervensi awal yang diberikan secara individu mahu pun kelompok dapat menghentikan tingkah laku bermasalah pelajar dan mengurangkan masalah psikologi (Driessen *et al.*, 2010; Ramsay *et al.*, 2007). Namun, boleh disimpulkan bahawa perbincangan secara

berkelompok adalah sesuai untuk para remaja kerana mereka banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya dan berasa tidak berseorangan ketika berjumpa dengan kaunselor (Zuria & Salleh, 2002). Perwatakan kaunselor sekolah yang baik berdasarkan persepsi pelajar adalah boleh dipercayai, mesra, boleh menyimpan rahsia, prihatin, jujur, menghormati murid serta berpengalaman untuk membantu pelajar menyelesaikan masalahnya (Bahmah & Wan Marzuki, 2012; Zuria & Salleh, 2002). Melalui perwatakan kaunselor yang baik boleh membantu para remaja untuk membentuk konsep sendiri, keyakinan diri dan kesejahteraan psikologi yang baik kerana tidak berasa diri dilabel dan didiskriminasi.

Implikasi ketiga adalah dapat memperkukuhkan pengetahuan kaunselor di JKM. Implikasi terhadap JKM juga adalah penting demi membantu remaja delinkuen membentuk personaliti yang baik dan boleh hidup secara berdikari dan harmoni dalam masyarakat. Implikasi kajian ini juga dapat memberikan idea dan sumbangsaran kepada pihak JKM untuk penganjuran program intervensi dan modul yang bersesuaian dengan remaja dan ibu bapa untuk membantu mereka memahami isu anak di peringkat remaja. Antara bentuk pemulihan di STB adalah pendidikan formal, latihan vokasional, aktiviti ko-kurikulum, keagamaan, bimbingan dan kaunseling. Kesimpulannya, kelima-lima program pemulihan di STB ini, meliputi aspek nilai dan kesejahteraan psikologi melalui pendidikan akademik dan vokasional serta sistem disiplin yang diamalkan di STB (JKM, 2023). Melalui kajian ini, tahap kesejahteraan yang tinggi dalam kalangan penghuni menunjukkan bahawa pendekatan pemulihan yang diamalkan di STB berpotensi membina semula konsep sendiri dan emosi remaja yang stabil.

Implikasi terhadap Masyarakat juga penting untuk memantapkan intervensi komuniti. Masyarakat umumnya amat berperanan penting dalam membantu remaja membentuk peribadi yang baik seperti melibatkan para remaja dalam aktiviti kemasyarakatan di sesebuah komuniti penempatan. Justeru, aktiviti ini dapat membantu mengeratkan hubungan antara masyarakat dan remaja di samping penerapan nilai-nilai yang baik melalui program yang dianjurkan. Terdapat pelbagai aktiviti sukarelawan yang telah dianjurkan iaitu aktiviti yang berasaskan sekolah (untuk membantu kanak-kanak menyiapkan tugasan sekolah dan membantu proses pembelajaran kanak-kanak, berasaskan hospital (membacakan buku untuk pesakit di hospital dan memberi bantuan beribadah), haiwan (membantu di zoo dan rumah perlindungan haiwan), alam sekitar (membantu komuniti memelihara alam sekitar dari segi menjaga kebersihan taman-taman awam), rumah orang tua (membantu mereka yang uzur) serta pertubuhan komuniti (aktiviti di muzium dan perpustakaan) (Thiyagar, 2014). Aktiviti seperti ini dapat mencegah remaja untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah dan mengurangkan kecenderungan bertingkah laku delinkuen.

Terakhir adalah implikasi terhadap diri remaja dan rakan sebaya. Justeru, program *mentoring* antara rakan sebaya juga sesuai dilakukan kerana remaja lebih mudah memahami permasalahan remaja itu sendiri. Ia disokong oleh Rosila Bee dan Haslina (2021), yang mengatakan untuk mewujudkan motivasi diri remaja, para remaja dicadangkan untuk menjadikan seseorang sebagai *role model* agar dapat berfungsi dengan baik dalam masyarakat. Remaja dengan kesejahteraan psikologi yang baik cenderung membina hubungan sosial yang sihat. Sekaligus, seorang remaja lebih mudah berkongsi rasa dan masalah dengan rakan sebaya berbanding dengan ibu bapa di dalam fasa ini. Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang telah diperkenalkan ke seluruh sekolah menengah di Malaysia. Antara prinsip penubuhan PRS adalah untuk membantu rakan yang memerlukan bantuan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan perlakuan, jantina dan fizikal.

Pelajar yang menyertai PRS ini adalah dalam kalangan pelajar yang telah dilatih dalam bidang kemahiran asas komunikasi dan kaunseling untuk memberikan bantuan, nasihat dan menjadi pendengar yang peka kepada perasaan orang lain, mengambil berat serta rela memberi khidmat dalam sistem sekolah (Ishak Naim *et al.*, 2016). Justeru, remaja di STB berpotensi untuk menyambung pendidikan, mendapat pekerjaan yang stabil dan berfungsi secara produktif dalam komuniti. Secara keseluruhannya, melalui kajian ini didapati program dan perkhidmatan yang disediakan oleh JKM dapat membantu remaja untuk lebih berkembang dengan baik dan menjadikan JKM sebagai institusi sosial yang melindungi remaja ke arah yang lebih baik. Intervensi yang sistematik dan berstruktur boleh membina semula kesejahteraan psikologi remaja dan delikueni tidak semestinya mencerminkan kegagalan psikologi remaja secara sepenuhnya.

Dari sudut metodologi pula, pengkaji hanya menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data kajian ini. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk menggabungkan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan gambaran yang tepat tentang remaja delinkuen. Pengkaji dicadangkan untuk menggunakan kaedah kajian kes (*case study research design*) iaitu satu reka bentuk kajian yang komprehensif melalui penggabungan pelbagai strategi dalam mengumpul dan analisis data. Ia juga sesuai untuk membantu penyelidik memahami permasalahan yang kompleks dalam konteks yang agak luas. Justeru, dalam aspek pemilihan sampel kajian pula, dicadangkan untuk melibatkan keseluruhan remaja di Malaysia termasuklah di Sabah dan Sarawak.

## KESIMPULAN

Keseluruhan kajian ini diharapkan dapat memberi satu perspektif yang bermanfaat kepada ibu bapa, komuniti, rakan sebaya dan pihak berkepentingan dalam sama-sama menangani masalah tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Remaja adalah dalam satu fasa untuk mencari keselarasan antara identiti seorang kanak-kanak dan dewasa awal. Maka, faktor seperti pengaruh ibu bapa dan individu yang signifikan dalam diri remaja untuk memastikan kesejahteraan psikologi remaja berada pada tahap yang baik. Justeru, remaja akan kurang berisiko untuk terlibat dengan tingkah laku yang melanggar norma masyarakat. Dengan kerjasama daripada pelbagai pihak, diharapkan ia dapat membantu remaja untuk memperkasakan diri mereka untuk terus berfikiran positif dan bertingkah laku baik.

***Conflict of Interest:*** *The authors have no conflicts of interest to declare.*

***Author Contributions:*** *Siti Marhamah Kamarul Arifain wrote the manuscript. The author has read and agreed to the published version of the manuscript.*

***Institutional Review Board Statement:*** *Not applicable.*

***Informed Consent Statement:*** *Informed consent was obtained from all subjects involved in the study. Written informed consent has been obtained from the subject(s) to publish this paper.*

***Data Availability Statement:*** *The data presented in this review are available on request from the corresponding author.*

**Acknowledgement:** Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas kebenaran yang diberikan untuk membentangkan kertas kerja ini serta sokongan kewangan dana UTHM (E15207) bagi yuran pembentangan dalam persidangan *Malaysia Education Deans' Council Conference* (MEDC 2025).

## RUJUKAN

- Abd. Majid, M., Abdul Rahman, A. H., Azizan, N. I., & Ismail, Z. (2025). Bentuk dan implikasi salah laku delinkuen remaja di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia: Forms and implications of juvenile delinquency in Moral Rehabilitation Centers in Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(1), 88-103.
- Abd. Majid, M., Azizan, N. I., Mohamad, N., Usman, A. H., Mohd Haridi, N. H., Abdul Rahman, A.H., & Ismail, Z. (2021). Faktor penglibatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Satu sorotan literature sistematik. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 12-27.
- Abram, K. M., Azores-Gococo, N. M., Emanuel, K. M., & Teplin, L. A. (2017). Sex and racial/ethnic differences in positive outcomes in delinquent youth after detention a 12- year longitudinal study. *JAMA Pediatrics*, 171(2), 123-132. doi:10.1001/jamapediatrics.2016.3260
- Agnew, R., Matthews, S. K., Bucher, J., Welcher, A. N. & Keyes, C. (2008). Socioeconomic status, economic problems and delinquency. *Youth & Society*, 40(2), 151-181.
- Alsarrani, A., Hunter, R. F., Dunne, L., Garcia, L. M. (2022). Association between friendship quality and subjective wellbeing among adolescents: A systematic review. *BMC Public Health*, 22(1), 2420. 10.1186/s12889-022-14776-4
- Arcand, M., Juster, R. P., Lupien, S. J., & Marin, M. F. (2020). Gender roles in relation to symptoms of anxiety and depression among students and workers. *Anxiety Stress Coping*, 33(1), 661–674.
- Aslina, A. (2013). *Kesan intervensi psiko-pendidikan terhadap tingkah laku murid sekolah menengah oleh guru bimbingan dan kaunseling*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pendidikan, Universiti Malaya.
- Bahmah, G. & Wan Marzuki, W. J. (2012). Penilaian pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling di sekolah. Dlm. Wan Marzuki Wan Jaafar, Ahmad Fauzi bin Mohd Ayub & Syaliza Adiha bte Temiran (pnyt.). *Isu dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling*, hlm. 72-84. Neurox.
- Baidawi, S., Papalia, N., & Featherston, R. (2021). Gender differences in the maltreatment youth offending relationship: A scoping review. *Trauma, Violence, & Abuse*, 24(2), 1140-1156. <https://doi.org/10.1177/15248380211052106> (Original work published 2023).
- Bonell, C., Parry, W., & Wells, H. (2013). The effects of the school environment on the student health: A systematic review of multilevel studies. *Health Place*, 21(1), 180-191.
- Booker, C. L., Kelly, Y. J., & Sacker, A. (2018). Gender difference in associations between age trends of social media interaction and well-being among 10-15 years olds in the UK. *BMC Public Health*, 18(1), 1-12.
- Carlén, K., Suominen, S., & Augustine, L. (2023). The association between adolescents' self esteem and perceived mental well-being in Sweden in four years of follow-up. *BMC Psychology*, 11(413), 1-16. <https://doi.org/10.1186/s40359-023-01450-6>

- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. 2nd Edition. Routledge Publication.
- Corneau, M., Lanctôt, N. (2004). Mental health outcomes of adjudicated males and females: The aftermath of juvenile delinquency and problem behaviour. *Criminal Behaviour and Mental Health*, 14(4), 251-262. 10.1002/cbm.592
- Cortés-Rodríguez, M., Galindo-Villardón, P., Sánchez-Barba, M., Jarauta-Bragulat, E., & Urchaga-Litago, J.D. (2023). Analysis of psychological well-being from a compositional data analysis perspective: A new approach. *Behavioral Sciences*, 13(926), 1-16. <https://doi.org/10.3390/bs13110926>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. 4rd Edition. Sage Publications.
- Driessen, E., Cuijpers, P., Hollon, S. D. & Decker, J. J. M. (2010). Does pretreatment severity moderate the efficacy of psychological treatment of adult outpatient depression: A meta-analysis. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 78(5), 668-680.
- Dudovitz, R. N., Chung, P. J. & Wong, M. D. (2017). Teachers and coaches in adolescent social networks are associated with healthier self-concept and decreased substance use. *Journal of School Health*, 87(1), 12-20.
- Fazel, M., Sonesson, E. (2023). Current evidence and opportunities in child and adolescent public mental health: A research review. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 64(1), 1699-1719. <https://doi.org/10.1111/jcpp.13889>
- Feldman, R. S. (2011). *Understanding psychology*. 10<sup>th</sup> Edition. McGraw Hill.
- García-Castilla, F. J., Martínez-Sánchez, I., Campos, G., & Resino, D. A. (2020). Impact of gender and relationship status on young people's autonomy and psychological wellbeing. *Frontier in Psychology*, 11, 1735. 10.3389/fpsyg.2020.01735
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R.E. (2019). *Multivariate data analysis*. Edisi ke-8. Cengage Learning.
- Hoosen, P., Savahl, S., Adams, S., & Casas, F. (2024). A systematic review of children's psychological well-being from a Eudaimonic Perspective: A Narrative synthesis. *Child Indicators Research*, 17(6), 2577-2597. 10.1007/s12187-024-10174-x
- Ishak, N., Ahmad Kamal, A., Ahmad, Z. A., Mohd Said, J., Julia, A. S., Zunaidah, Z., Masbah, L., Hamidah, M. A., Chuah, M. K., Adnan, M., Sabariah, B., Norazwa, M. S., Salmiah, M., Yusnita, M. Y., Noraini, M. M., & Zaiton, S. (2016). Buku panduan pengurusan pembimbing rakan sebaya: Sekolah rendah dan menengah Malaysia. <https://123dok.com/document/yeoveglq-bukupanduan-pengurusan-pembimbing-rakan.html>
- Israel, G. D. (2003). *Determining sample size*. University of Florida Cooperative Extension Service.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Kanak-kanak*. <https://www.jkm.gov.my/main/article/institusi-kebajikan-sekolah-tunas-bakti>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Penyertaan wanita dalam ekonomi*. <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Statistik pemerikasaan wanita dalam domain terpilih, Malaysia tahun 2023*. [https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file\\_20231218071025.pdf](https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20231218071025.pdf)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Statistik Jenayah Malaysia*. [https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file\\_20241016122006.pdf](https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20241016122006.pdf)
- Jas Laile, S. J. (2016). *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Johari, H., & Pusphavalli, R. (2005). *Hubungan di antara konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja akhir*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Karakayali, N. (2021). *Self-concept*. Bilkent University
- Kern, M. L., Benson, L., Steinberg, E. A. & Steinberg, L. (2016). The EPOCH measure of adolescent well-being. *Psychological Assessment*, 28(5), 586-597.
- Kim, H. S., & Kim, H. S. (2005). Gender differences in delinquent behavior among Korean adolescents. *Child Psychiatry and Human Development*, 34(5), 325-345.  
10.1007/s10578-005-2691-1
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106-118.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.640>
- Koenig, A. M. (2018). Comparing prescriptive and descriptive gender stereotypes about children, adults and the elderly. *Frontiers in Psychology*, 9(1), 1086-1099.
- Lanctôt, N., Cernkovich, S. A., & Giordano, P. C. (2007). Delinquent behavior, official delinquency, and gender: Consequences for adulthood functioning and well-being. *Criminology*, 14(1), 131-157. <https://doi.org/10.1111/j.1745-9125.2007.00074.x>
- Li, Y., Zuo, M., Peng, Y., Zhang, J., Chen, Y., Tao, Y., Ye, B. & Zhang, J. (2022). Gender differences influence gender equality awareness, self-esteem and subjective well-being among school-age children in China. *Frontiers in Psychology*, 12(1), 1-11.
- Liu, X., He, W., Zhao, L. & Hong, J. C. (2023). Gender differences in self-regulated online learning during the COVID-19 lockdown. *Frontier Psychology*, 12(1), 1-12.  
<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.752131>
- Madone, S., Willard, J. & Guyll, M. (2006). Self-fulfilling prophecy effects of mother's beliefs on children's alcohol use: Accumulation, dispatation, and stability over time. *Journal of Personality and Social Psychology*, 90(1), 911-926.
- Malek, N. S. N., Mohd Yusof, H., & Abdull Rahman, R. H. (2025). Well-being in Malaysia: A Social and Psychological Perspective between Demographic Indicators. *Pertanika Proceedings*, 1(4), 27-32. <https://doi.org/10.47836/pp.1.4.006>
- Mariani, M. (2017). Hubungan di antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 57-65.
- Matud, M. P., Ibanez, I., Fortes, D., & Bethencourt, J. M. (2024). Adolescent stress, psychological distress and well-being: A gender analysis. *Child and Youth Services*, 44(3), 1-16. <https://doi.org/10.1080/0145935X.2023.2210833>
- Merton, R. K. (1996). *On social structure and sciences*. University of Chicago Press
- Mohd Shukor, N., Mohamad Aun, N. S., & Zakaria, E. (2019). Sokongan sosial, daya tindak dan kesejahteraan subjektif remaja di institusi perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal e-Bangi* 16(9), 184-198.
- Mullan, W. M. R., Golm, D., Juhl, J., Sajid, S., & Brandt, V. (2023). The relationship between peer victimisation, self-esteem and internalizing symptoms in adolescents: A systematic review and meta-analysis. *PloS ONE*, 18(3), 1-16.  
<https://doi.org/10.1371/journal.pone.0282224>
- Nurzatil Ismah, A., Mariam. A. M., Noraini, M., Abur Hamdi, U. (2022). Faktor penglibatan salah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Kajian di pusat pemulihan. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 9(2), 59-74.
- Rageliene, T. & Justickis, V. (2016). Interrelations of adolescents' identity development, differentiation of self and parenting style. *Psychologica*, 1(1), 24-43.

- Ramsay, K., Ramsay, J. & Main, D. (2007). Both group peer counseling and individual counseling reduce anxiety and depression, and increase self-esteem and overall life satisfaction in palliative cancer care. *Counselling Psychology Quarterly*, 20(2), 157-167.
- Raufelder, D., Sahabandu, D., Martinez, G. S. & Escobar, V. (2015). The mediating role of social relationships in the association of adolescent's individual school self-concept and their school engagement, belonging and helplessness in school. *Education Psychology*, 35(2), 137-157.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistic for the behavioral sciences*. 2<sup>nd</sup> Edition. Holt, Rinehart and Winston.
- Rosila Bee, M. H., & Haslina, M. (2021). Kemelut ketaksamaan: Kesan ke atas pembentukan identiti remaja Bandar. *Jurnal Pertanika*, 1(1), 1-18.
- Rozmi, I. (2013). *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ryff, C. D. (2014). Psychological well-being revisited: Advances in the science and practice of eudaimonia. *Psychother*, 83(1), 10-28.
- Schutz, F. F., Sarriera, J. C., Bedin, L. & Montserrat, C. (2015). Subjective well-being of children in residential care centres: Comparison between children in institutional care and children living with their families. *Psicoperspectivas*, 15(1), 19-30. 10.5027/psicoperspectivas-Vol14-Issue1-fulltext-517
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach*. 7<sup>th</sup> Edition. West Sussex.
- Seligman, M. E. P. (2011). *Flourish*. Simon & Schuster.
- Sharma, M. & Kaushik, N. (2016). Parental involvement, psychological distress, perceived social support, coping strategy, and happiness of school going adolescent. *International Journal of Social Impact*, 1(1), 2455-670.
- Shautar, S. A. (2016). Psychological wellbeing and self-confidence among adolescence. *Research Guru*, 10(3), 48-59.
- Shek, D. T. (2005). Economic stress, emotional quality of life and problem behavior in Chinese adolescents with and without economic disadvantages. *Quality-of-life Research in Chinese, Western and Global Context*, 1(1), 363-383.
- Stangor, C. (2015). *Research methods for the behavioral sciences*. Cengage Learning.
- Takmak, H., & Demirkasımoğlu, N. (2024). Casting labels in high schools: Perspectives, patterns and prophecies. *International Journal of Educational Research*, 124(1), 1-16.
- Thiyagar, N. (2014). *Sukarelawan remaja*. <http://www.myhealth.gov.my/sukarelawanremaja/>
- Uvhagen, L., Gustafsson, J., & Söderqvist, F. (2025). Mental well-being in Swedish adolescents 2014–2023: A repeated population-based cross-sectional study focusing on temporal variations and differences between groups. *PloS One*, 20(5), 1-16. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0323963>
- Vahl, P., van Damme, L., Doreleijers, T., & Colins, O. (2016). The unique relation of childhood emotional maltreatment with mental health problems among detained male and female adolescents. *Child Abuse and Neglect*, 62(1), 142-150. <https://doi.org/10.1016/j.chiabu.2016.10.008>
- Welch-Brewer, C. L., Stoddard-Dare, P., & Mallett, C. A. (2011). Race, substance abuse, and mental health disorders as predictors of juvenile court outcomes: Do they vary by gender? *Child and Adolescent Social Work Journal*, 28(3), 229-241. 10.1007/s10560-011-0229-x

- Yoon, Y., Eisenstadt, M., Lereya, S. T., & Deighton, J. (2023). Gender difference in the change of adolescents' mental health and subjective well-being trajectories. *European Child and Adolescent Psychiatry*, 4, 1-10. 10.1007/s00787-022-01961-4
- Zakaria, S., Ahmad Munawar, I., & Noranizah, Y. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 1(1), 155-172.
- Zarinah, A., & Rozana, J. (2018). Penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi remaja. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 3(12), 37-45.
- Zuria, M., & Salleh, A. (2002). Model interaksi terapeutik sebagai teknik menangani kelas bermasalah: Satu kajian kes. *PVirTECC Journal*, 2(1), 23-37.

**Disclaimer / Publisher's Note:** *The statements, opinions and data contained in all publications are solely those of the individual author(s) and contributor(s) and/or the editor(s). The editor(s) disclaim responsibility for any injury to people or property resulting from any ideas, methods, instructions or products referred to in the content.*